

19/10/1997

Kadar faedah perlu rendah: Pakar

Zainudin Isa

BELANJAWAN Negara 1998 yang dibentangkan di Parlimen kelmarin, dianggap paling kritikal dalam tempoh 10 tahun. Dari situ juga timbul pelbagai persoalan, misalnya, apakah belanjawan itu dapat membantu memulihkan ekonomi negara yang kini gawat berikutan kejatuhan pasaran mata wang dan modal serantau. Wartawan Berita Minggu, Zainudin Isa, mendapatkan pandangan pakar perunding ekonomi dan penganalisis kewangan antarabangsa, Dr May Lin de Ghezelles. Beliau yang berasal dari Pulau Pinang pernah menjadi Pakar Kanan Ekonomi untuk Konsulat Amerika di Hong Kong dan pensyarah kanan ekonomi di Politeknik Hong Kong selama enam tahun. May Lin, 50, kembali dan menetap di Malaysia sejak tiga bulan lalu selepas tinggal di Hong Kong selama 18 tahun.

Apakah pandangan anda mengenai belanjawan Malaysia kali ini?

Pada keseluruhannya sangat baik dan lebih memihak kepada rakyat. Yang lain itu ialah langkah yang diambil dan bagaimana kita mencari jalan menyelesaikan krisis kewangan ini. Nampaknya, dalam belanjawan itu agak jelas mekanisme yang akan dijalankan kerajaan.

Berikutan ketidakpastian kadar tukaran mata wang serantau, terutama ringgit-dolar, kedudukan rizab negara terjejas sedikit. Apakah ini perlu dikhuatirkan?

Saya sebenarnya selalu bimbang dengan rizab wang dan akaun semasa negara. Setiap negara mesti mengutamakan disiplin yang ketat dalam hal ini. Saya fikir, pada masa ini kenaikan kadar faedah tidak begitu membantu. Pada pendapat saya, kadar faedah sepatutnya lebih rendah untuk menarik pelabur asing. Saya akui orang lain akan berfikir cara lain pula, iaitu dengan menaikkan kadar faedah sebagai jalan penyelesaian. Jika kita menaikkan kadar faedah seperti lapan peratus, kita sebenarnya tidak boleh mengharapkan syarikat besar membawa wang yang banyak ke sini. Itu tidak akan menarik pelabur.

Mereka selalunya mahu menikmati kadar pulangan 10 hingga 20 peratus bagi setiap wang yang dilaburkan. Apa akan berlaku kepada rakyat berpendapatan sederhana dan rendah yang memerlukan wang setiap hari. Mereka sudah tentu kurang mampu untuk membiayai kehidupan harian mereka.

Apa pula kesan kejatuhan nilai ringgit terhadap ekonomi negara?

Sebenarnya, kalau kita tidak mengawasi pusingan mata wang, kita mudah mengalami masalah ekonomi yang mungkin mewujudkan empat keadaan, iaitu inflasi yang teruk, masalah dalamimbangan pembayaran, pertumbuhan ekonomi yang lembap dan tahap pengangguran yang tinggi. Bagi saya, inflasi adalah keadaan yang paling teruk kesannya. Kita akui hakikat bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia sangat rancak dan membanggakan dalam tempoh lapan tahun lalu. Bagaimanapun, saya fikir ia terlalu pantas. Satu perkara yang saya perhatikan ialah terlalu banyak pembangunan.

Sebagai ahli ekonomi, adalah mustahak kita berhati-hati terhadap rizab negara kita. Pada dasarnya, kita perlu membelanjakan setiap RM mengikut kadar rizab yang kita ada. Ini bermakna setiap ringgit yang digunakan, kita harus memikirkan bagaimana caranya untuk mendapatkan semula jumlah yang sama untuk rizab negara. Jika kita sewenang-wenangnya menggunakan setiap ringgit tanpa disokong oleh rizab, ini bermakna orang ramai akan mengganggu beban dalam bentuk cukai.

Apakah tindakan yang boleh negara lakukan bagi mengatasi masalah ini?

Bagi saya disiplin kewangan adalah sangat penting pada masa sekarang. Apa yang kita perlu segera usahakan ialah menambah lebih banyak wang dan

menguatkan rizab negara. Kita bukan negara seperti Amerika Syarikat atau negara maju lain yang mudah membelanjakan wangnya untuk membina jalan raya atau lebuh raya. Kita bukan seperti itu. Membelanjakan wang bagi projek infrastruktur masih boleh tetapi projek itu mesti benar-benar produktif, khususnya dalam jangka masa panjang. Saya fikir pada masa ini, kita terlalu pantas dan pusingan wang pula sangat perlahan. Kita perlu sedar apabila wang mengalir keluar, sangat sukar untuk kita mendapatkannya semula. Meskipun kita mempunyai peraturan, kita masih sukar untuk mengawalinya kerana hari ini hampir setiap orang mempunyai komputer dan seluruh dunia berpeluang memasuki pasaran wang. Oleh itu jangan membelanjakan ringgit keluar, kecuali kita mempunyai rizab sebagai penyokong.

Saya juga berpendapat Bank Negara perlu mewujudkan peraturan baru, terutama memberi tumpuan terhadap pusingan wang dan mengawal kadar faedah sepanjang tahun berbanding membiarkannya tinggi secara berterusan. Ini kerana dunia memerhatikan setiap langkah yang kita ambil.

Apabila kadar faedah naik dan negara dalam keadaan menggelayah, masa itulah mereka bertindak terhadap negara kita. Jika kita lebih berhati-hati dan berdisiplin, kita boleh menarik pelabur asing dan pada masa yang sama memudahkan cara mereka datang. Langkah yang seterusnya ialah merendahkan kadar faedah seperti di Singapura yang mempunyai kadar yang lebih rendah setiap masa.

Apakah langkah kewangan yang diambil kerajaan mencukupi bagi mengatasi keadaan sekarang?

Kerajaan sepatutnya bersikap lebih telus mengenai kedudukan rizab negara. Misalnya, kerajaan Hong Kong tidak mahu mengumumkan berapa rizab mereka dan menimbulkan spekulasi. Adalah baik jika perkara itu diumumkan. Saya juga pernah bekerja di Argentina. Mereka ketika itu menghadapi kadar infasi antara empat dan lima peratus setahun.

Tetapi, mereka mengambil langkah segera iaitu membelanjakan setiap peso berdasarkan jumlah rizabnya. Mereka memperlahankan kadar dan pusingan wang. Ini bermakna pusingan wang hanya membabitkan wang asing. Dalam masa yang agak singkat, mereka dapat mengatasi krisis mata wang dan mendapat keyakinan pelabur.

Sebenarnya, negara sedang membangun tidak boleh berlagak seperti negara maju. Ini kerana negara maju mempunyai wang yang banyak dan mereka boleh berbelanja dengan mudah. Kita tidak boleh bertindak seperti itu kerana dunia memerhatikan kita dan kita sangat lemah, walaupun dalam satu kumpulan.

Apakah punca menyebabkan masalah ekonomi yang dihadapi Malaysia?

Saya kira masalah kewangan Malaysia timbul sejak beberapa tahun lalu apabila negara pernah mengalami kehilangan rizab negara. Bagaimanapun, Malaysia mempunyai wawasan yang sangat menarik menerusi idea dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Wawasannya sangat sesuai dalam perkembangan ekonomi, tetapi ia terlalu pantas pada masa ini. Apa yang ditakuti negara akan berhadapan dengan keadaan inflasi yang teruk.

Adakah kedudukan ringgit negara akan kembali kukuh?

Ringgit negara mungkin tidak mampu untuk pulih dalam masa terdekat ini kerana kita tidak mempunyai rizab yang kukuh. Saya fikir untuk mempertahankan kedudukan kewangan ada dua cara. Pertama, sejauh mana kita menguruskan imbalan pembayaran yang menjadi asas ekonomi. Tahun ini saya difahamkan kita membeli banyak aset tetap. Saya tidak fikir imbalan pembayaran kita akan berada pada kedudukan lebih baik berbanding tahun ini kerana ringgit sangat murah dan sudah tentulah harga barangan import akan jauh lebih tinggi. Pada pendapat saya, ringgit akan stabil pada kedudukannya sekarang, kecuali kita cepat menambah rizab negara dan

mengetatkan imbangan pembayaran. Apa yang kita perlukan sekarang ialah menarik kemasukan pelabur sebanyak mungkin. Saya agak terperanjat kerana belanjawan kali ini masih mengekalkan kadar faedah yang agak tinggi.

Bagaimana pula dengan kedudukan ekonomi negara? Apakah ia akan pulih dalam masa yang singkat ini?

Saya jangka ia memerlukan masa di antara tiga dan empat tahun. Saya fikir peraturan bank juga perlu dilihat. Kita perlu memastikan apakah sistem itu benar-benar baik. Saya fikir di pihak kerajaan terutama pakar ekonomi dalam bidang penawaran dan permintaan perlu duduk berbincang untuk mengembalikan kedudukan ekonomi. Ini kerana kita mempunyai kekuatan dari segi sumber, seperti bahan mentah, buruh dan kepakaran.

Saya fikir, perkembangan yang menggalakkan tahun depan ialah dalam industri elektronik. Begitu juga dengan sektor pelancongan terutama ketika Sukan Komanwel 1998. Pelancong sebenarnya boleh membawa sumber kewangan yang banyak kepada sesebuah negara.

Apa lagi yang boleh dilakukan Malaysia untuk menyelesaikan masalah ekonominya?

Saya fikir banyak lagi yang kita perlu lakukan. Kerajaan sepatutnya lebih telus, iaitu memberitahu apa yang dilakukan. Ketelusan sangat penting pada masa sekarang. Saya juga sangat kagum dengan usaha keras Dr Mahathir menarik pelabur. Alangkah baiknya kali ini beliau berbincang dengan bank dan institusi kewangan untuk merendahkan kadar faedah dan menjadikannya sebagai faktor menarik pelabur asing.

Satu lagi ialah projek Koridor Raya Multimedia (MCS). Ia adalah satu projek yang sangat bijak kerana ia akan membuka banyak peluang pekerjaan dan memerlukan ramai pelabur asing. Dengan merendahkan kadar faedah, tentunya kita dapat manfaat daripada kedatangan pelabur berkenaan. Dalam soal rizab negara pula, kita bukan sahaja memerlukan pengukuhan rizab dan cara menambahnya, tetapi memerlukan pengurus kewangan yang cekap.

(END)